

Konsep Wu Lun beri panduan perkukuh perpaduan nasional

Dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, suatu perkara yang mendasari kehidupan ialah keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran.

Semua ini hanya terhasil dengan kerjasama dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Justeru, sejarah Malaysia merakamkan kepentingan yang tinggi terhadap soal perpaduan dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Hakikatnya, setiap bangsa mempunyai pendekatan tersendiri untuk menyuburkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Namun, nilai budaya Wu Lun atau lima hubungan dalam masyarakat Cina cukup menarik perhatian. Nilai ini berakar umbi daripada tradisi Konfusianisme.

Bagi masyarakat Tiong Hua, konsep ini diberikan penekanan kerana ia dianggap sebagai 'tali' yang mengikat masyarakat supaya

keamanan dan perpaduan dapat dijamin secara beretika.

Tentunya bagi Malaysia yang dihuni masyarakat pelbagai kaum, konsep Wu Lun cukup signifikan untuk melahirkan masyarakat holistik dalam pembangunan sahsiah dan kebendaan. Hal ini mempunyai justifikasi tersendiri.

Pertama, konsep Wu Lun menjelaskan hubungan antara pemerintah dengan rakyat sebagai tonggak keamanan, kestabilan dan kesejahteraan negara. Ia menuntut kepemimpinan negara yang berintegriti, adil, jujur dan berwibawa.

Ini kerana pemerintah dianggap sebagai bapa, manakala rakyat sebagai anak. Maka, personaliti pemerintah yang baik dapat diteladani rakyatnya. Secara tidak langsung, ia melahirkan rakyat berbudi pekerti mulia, bersahsiah tinggi dan berbudaya maju.

Dalam konteks Malaysia, keperibadian Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri menggambarkan kepemimpinan yang jujur, prihatin serta berwibawa terutamanya pada waktu genting menangani penularan COVID-19.

Kepemimpinan berintegriti ini memamerkan keperibadian terpuji yang menawan hati rakyat. Di samping itu, keprihatinan kepemimpinan negara ditandai pelbagai inisiatif untuk mengurangkan masalah ekonomi dihadapi rakyat.

Keterujaan rakyat terhadap kepemimpinan negara tergambar dengan konsep 'Raja dan rakyat berpisah tiada'. Kepemimpinan melalui teladan dicontohi pendakwah, selebriti serta orang awam yang secara berterusan menyalurkan sumbangan untuk kebajikan golongan B40, gelandangan dan pekerja yang hilang sumber pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Hubungan kedua, antara ibu bapa dengan anak. Ia menitikberatkan prin-

sip ketaatan dan bakti terhadap ibu bapa. Ia juga menggambarkan penghargaan sepatutnya dicurahkan anak atas segala kasih sayang dan pengorbanan diberikan ibu bapa ketika mereka kecil sehinggalah dewasa.

Penghargaan seumpama ini amat dituntut dalam kalangan anak yang sudah dewasa. Pengabaian tanggungjawab suatu kesalahan yang akan memalitkan imej buruk terhadap anak.

Mereka dianggap menderhaka kepada ibu bapa dan ia aib besar bagi seseorang individu dalam kepercayaan masyarakat Cina.

Ketaatan ini tidak hanya terbatas kehidupan dunia, sebaliknya dituntut untuk turut menzahirkan tanda hormat serta menjalankan tanggungjawab sebagai anak yang taat dengan melakukan upacara sembahang kepada ibu bapa serta nenek moyang yang sudah meninggal dunia.

Konsep ketaatan ini boleh disuburkan dalam masyarakat Malaysia yang terkenal sikap terpuji, nilai budi pe-

kerti dan menghormati orang lebih tua. Ia tidak terbatas kepada ibu bapa, tetapi seluruh masyarakat awam.

Jelasnya, rakyat Malaysia perlu menganggap semua warganya sebagai sebuah keluarga. Maka, menjadi kelaziman apabila masyarakat berbilang kaum menyuburkan perasaan hormat menghormati dan bersikap peramah kepada warga emas.

Ini dapat dibuktikan dengan sapaan atau panggilan seperti *uncle*, *aunty*, *tuan*, *puan*, *pakcik* dan *makcik* kepada warga berlainan kaum walaupun tidak mempunyai pertalian darah.

Hubungan ketiga antara suami dan isteri. Konsep Wu Lun menyatakan suami perlu mempunyai tanggungjawab besar terhadap isteri dalam menyediakan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan kewangan.

Isteri pula mempunyai tanggungjawab besar di rumah dan perlu menurut kata serta menghormati suaminya.

Kedua-duanya mestilah saling menyayangi, hormat menghormati dan saling melengkapi agar memelihara keharmonian rumah tangga.

Ini penting untuk melahirkan warganegara yang baik buat bangsa dan negara kerana keperibadian yang baik bertitik tolak sosialisasi di rumah.

Jika suami isteri mampu menjaga keharmonian rumah tangga, berkurhalah gejala sosial domestik seperti penderaan fizikal, keganasan rumah tangga dan gangguan emosi yang dapat menggugat kesejahteraan keluarga.

Ini juga dapat membendung masalah sosial lain yang kebanyakannya berpunca rumah tangga tidak stabil dan bermasalah.

Keempat, hubungan antara adik-beradik. Ia mengutamakan sikap sopan santun, bermuafakat dan saling tolong-menolong antara adik-beradik amatlah dituntut masyarakat Cina.

Adik-beradik perlu prihatin terhadap satu sama lain supaya keharmonian keluarga dapat dipelihara. Sikap dengki dan permusuhan mestilah dielakkan

agar dapat hidup bersatu padu dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

Bak kata pepatah, air dicincang tidak akan putus. Begitulah juga kepentingan menjaga hubungan adik beradik agar keharmonian keluarga dapat dipelihara dan dikekalkan.

Perkara kelima, menjaga hubungan antara kawan seperti mana menjaga hubungan antara adik beradik.

Hubungan antara kawan juga sepatutnya berlandaskan sikap hormat-menghormati, saling bekerjasama dan tolong-menolong.

Masyarakat Cina secara umumnya terkenal sikap setia kawan dan amat menjaga kebajikan kawannya, terutama jika mengalami kesusahan. Mereka mempunyai konsep 'kongsi' sebagai suatu wadah untuk saling membantu.

Kesimpulannya, semua perkara dibincangkan di atas amatlah relevan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Sikap positif ini mampu mengukuhkan kesepaduan sosial, perpaduan nasional dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Nilai murni terkandung dalam Wu Lun perlu dipraktikkan masyarakat Malaysia supaya dapat menghindari sikap perkauman, prejudis dan seumpamanya.

Masyarakat Malaysia digalakkan mempromosi gagasan *unity in diversity* (penyatuan dalam kepelbagaian) bagi mengukuh dan mengekalkan keharmonian dalam kehidupan.

Jelasnya, kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia mampu membentuk bangsa Malaysia yang harmoni, makmur dan bersatu-padu.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Dr Faizah Mohd Fakhruddin

Kepemimpinan berintegriti ini memamerkan keperibadian terpuji yang menawan hati rakyat. Di samping itu, keprihatinan kepemimpinan negara ditandai pelbagai inisiatif untuk mengurangkan masalah ekonomi dihadapi rakyat.

